AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Gagal cabar batal larangan merokok di kedai makan

Mahkamah Persekutuan tolak permohonan kebenaran merayu

Putrajaya: Usaha tujuh individu sejak lima tahun lalu untuk mencabar di mahkamah peraturan larangan merokok oleh Kementerian Kesihatan (KKM) di semua kedai makan akhirnya menemui noktah semalam.

Ia berikutan Mahkamah Persekutuan menolak permohonan mereka untuk mendapat kebenaran merayu keputusan dibuat Mahkamah Rayuan tahun lalu, yang mengekalkan keputusan kerajaan melarang perbuatan merokok di semua kedai makan.

Keputusan semalam diputuskan tiga hakim diketuai Hakim Datuk Zabariah Yusof selepas mengambil kira tujuh individu terbabit gagal melepasi ambang untuk mendapatkan kebenaran seperti dikehendaki di bawah Seksyen 96 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

Mereka ialah Hanizam Yunus, 55, Zulkifli Mohamad, 60, Laisani Dollah, 49, Sufian Awaludin, 38, Ridzuan Noor, 56, Yazid Yunus, 51, dan Yuri Azhar Abdollah, 43.

Seksyen 96 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 menyatakan bahawa pemohon mesti merangka persoalan undang-undang dan Perlembagaan baharu yang berkait kepentingan awam dan dibangkitkan buat kali pertama.

"Persoalan dikemukakan untuk mendapatkan kebenaran juga bukan untuk kepentingan awam.

"Kami menolak permohonan (kebenaran) dengan kos RM30,000 perlu dibayar kepada responden," kata Zabariah yang bersidang bersama Hakim Datuk Seri Hasnah Mohammed Hashim dan Datuk Nordin Hassan.

Pada 23 November tahun lalu, panel tiga hakim Mahkamah Rayuan mengekalkan keputusan kerajaan melarang perbuatan merokok di semua kedai makan.

Bukan hak asas dilindungi

Mereka memutuskan bahawa merokok di tempat awam bukanlah hak asas yang harus dilindungi di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Dalam penghakimannya, Hakim Datuk M Gunalan, berkata menteri kesihatan diberi kuasa di bawah undang-undang untuk mengenakan sekatan merokok, termasuk di tempat atau waktu merokok dilarang.

Gunalan yang bersidang bersama Hakim Datuk Yaacob Md Sam dan Datuk Lim Chong Fong, berkata mereka bersetuju bahawa hakim Mahkamah Tinggi ketika itu, Datuk Seri Mariana Yahya, juga tidak melakukan kesilapan undang-undang atau fakta dalam membuat keputusan menolak semakan kehakiman oleh perayu.

Ketujuh-tujuh individu itu mendapat kebenaran untuk merayu sebelum merit permohonan itu ditolak.

Pada 29 Oktober 2019, Mariana yang kini hakim Mahkamah Rayuan, menolak permohonan semakan kehakiman oleh tujuh individu berkenaan untuk mendapatkan perintah certiorari bagi membatalkan keputusan KKM melarang perbuatan merokok di kedai makan. BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

Tiada had masa bacaan kali kedua RUU rokok

Petaling Jaya: Tiada garis masa ditetapkan bagi pembentangan bacaan kali kedua Rang Undang-undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023.

Penasihat Khas kepada Menteri Kesihatan, Dr Kelvin Yii, berkata Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Kesihatan akan menyerahkan laporan berkaitan RUU berkenaan kepada Kementerian Kesihatan (KKM) terlebih dahulu sebelum mengadakan libat urus dengan pihak berkepentingan.

Kelvin Yii

"Selepas itu Kabinet akan mempertimbangkan tarikh bagi pembentangan RUU berkenaan," katanya dalam sidang media selepas menghadiri Majlis Pelancaran Doctor Anywhere, semalam.

RUU berkenaan bertujuan mengharamkan penggunaan, pembelian dan penjualan rokok serta produk vape kepada mereka yang dilahirkan selepas 2007.

Pada 26 Mei lalu, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa menyifatkan ia satu kejayaan buat kementerian apabila mendapat sokongan Kabinet untuk RUU terbabit dibentangkan di Dewan Rakyat.

Ketika sesi taklimat bersama media pada 6 Jun pula, beliau berkata KKM memasukkan semua 23 cadangan pindaan terdahulu serta lima cadangan baharu.

Justeru, katanya, RUU itu disifatkan lebih komprehensif dan meliputi bukan sahaja rokok konvensional, tetapi juga rokok alaf baharu termasuk elektronik serta rokok 'combustible'.

Pada Ogos tahun lalu, Parlimen meluluskan RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 dirujuk JKPK Parlimen untuk diteliti serta membuat syor penambahbaikan.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : LOKAL

LARANGAN MEROKOK DI KEDAI MAKAN

Tujuh individu gagal rayuan cabar KKM

Putrajaya: Tujuh individu gagal mendapat kebenaran daripada Mahkamah Persekutuan untuk merayu bagi mencabar keputusan Kementerian Kesihatan (KKM) yang mengenakan larangan merokok di semua kedai makan.

Panel hakim yang terdiri daripada Hakim Mahkamah Persekutuan Datuk Zabariah Mohd Yusof, Datuk Seri Hasnah Mohammed Hashim dan Datuk Nordin Hassan menolak permohonan untuk mendapat kebenaran itu dan mengarahkan mereka membayar kos guaman RM30,000 kepada KKM.

Dengan keputusan semalam, percubaan Mohd Hanizam Yunus, Zulkifli Mohamad, Mohd Laisani Dollah, Mohd Sufian Awaludin, Ridzuan Muhammad Noor, Mohd Yazid Mohd Yunus dan Yuri Azhar Abdollah bagi mencabar larang merokok di kedai-kedai makan oleh KKM yang telah berlarutan selama lima tahun, kini berakhir.

Hakim Zabariah yang mengetuai panel hakim itu berkata, persoalanan undang-undang yang dibangkitkan oleh individu berkenaan tidak memenuhi tiga syarat yang diperlukan di bawah Seksyen 96 (a) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 bagi mendapat kebenaran merayu di Mahkamah Persekutuan.

Di bawah seksyen berkenaan, pemohon perlu menampilkan persoalanan undang-undang yang baharu, yang mempunyai kepentingan awam, dibangkitkan buat kali pertama.

Dalam keputusan sebulat suara semalam, Hakim Zabariah berkata, persoalan undang-undang mengenai Perkara 5 (kebebasan diri) dan Perkara 8 (semua orang adalah sama di sisi undang-undang) dalam Perlembagaan Persekutuan telah selesai, dan persoalanan undang-undang yang dibangkitkan dalam kes ini tiada kepentingan awam yang memerlukan penghujahan lebih lanjut di Mahkamah Persekutuan.

Pada 31 Disember 2018, tujuh lelaki itu yang menubuhkan persatuan dikenali sebagai Persatuan Pertahankan Perokok (PHP) memohon satu deklarasi bahawa keputusan KKM untuk melarang merokok di kedai makan adalah tidak berperlembagaan.

Menurut mereka, perokok mempunyai hak sama rata dengan golongan tidak merokok untuk mengunjungi dan meluangkan masa di premis makanan dan kerajaan tidak menyediakan kemudahan yang mencukupi seperti kawasan merokok atau memasukkan peruntukan di bawah larangan merokok bagi pengusaha kedai makan untuk menyediakan kawasan larangan merokok mereka sendiri.

KKM mengenakan larangan merokok di semua restoran dan premis makanan berkuat kuasa 1 Januari 2019.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : LOKAL

KKM pastikan proses transisi doktor kontrak ke jawatan tetap diselesaikan

Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan memastikan proses transisi jawatan doktor kontrak ke jawatan tetap diselesaikan dan kekosongan tempat yang ditinggalkan itu akan digantikan segera.

Menterinya Dr Zaliha Mustafa berkata, isu terbabit turut disentuh dalam sesi libat urus bersama pihak berkepentingan.

"Bila masuk penempatan daripada doktor pelatih kepada pegawai perubatan tetap, ia tentu ada penggantian selepas itu, jadi insya-Allah semua itu akan kita pertimbangkan.

"Kemaslahatan petugas kita, kita ambil prihatin," katanya ketika ditemui selepas menyempurnakan Persidangan Kenali Ubat Anda Peringkat Kebangsaan 2023, di sini, semalam.

Beliau berkata, Jawatankuasa Peringkat Tertinggi (HLC) yang ditubuhkan sebelum ini juga sudah mengadakan sesi libat urus dengan beberapa kementerian dan pihak berkaitan termasuk Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) bagi melihat secara mendalam isu doktor kontrak.

"Kita belum lagi membentangkan hasil kepada kabinet tapi libat urus ini akan melihat kepada semua sudut.

"Libat urus dilakukan supaya kita dapat hasilkan suatu yang terbaik, jadi saya tidak rasa kita akan meminggirkan doktor ini," katanya.

Kelmarin, Hartal Doktor Kontrak (HDK) memberi amaran masalah kekosongan jawatan yang tidak diisi di klinik dan hospital kerajaan bakal mengganggu kelancaran perkhidmatan kesihatan negara.

HDK dilaporkan berkata, walaupun kerajaan mengumumkan perjawatan tetap untuk seramai hampir 4,000 doktor kontrak, secara tidak langsung perkara itu menimbulkan krisis terbaharu dalam permasalahan penjagaan kesihatan yang sedia kritikal.

Pertubuhan itu menyifatkan jawatan tetap ditawarkan itu suatu langkah terpuji bagi menyelesaikan masalah ketidakpastian perjawatan, namun apabila doktor terbabit berpindah dan melakukan transisi ke tempat baharu, masalah kekosongan berskala besar akan berlaku di jabatan, hospital dan klinik yang mereka pernah berkhidmat sebelum ini.

4,820 orang setahun

Kuota pengambilan pelajar perubatan ke IPT tempatan kekal

Bernama

Kuala Lumpur

Kerajaan mengekalkan kuota pengambilan pelajar perubatan di institut pengajian tinggi (IPT) tempatan, kata Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Beliau berkata kuota yang dibenarkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah 4,820 orang setahun namun jumlah siswazah sebenar adalah lebih rendah iaitu kira-kira 4,000 orang setahun.

"Kementerian akan terus kekalkan jumlah yang ditetapkan kerana antaranya permohonan ramai untuk mengambil jurusan perubatan dan kadar (yuran) yang ditetapkan untuk universiti tempatan adalah murah, maka demikian kita sebenarnya melakukan pendemokrasian pendidikan.

"Kita membenarkan ramai memohon untuk ambil jurusan perubatan, kalau kita kurangkan (pengambilan) dalam negara maka sudah tentu ada yang terpaksa ke luar negara dan kosnya sangat tinggi," katanya.

> "Kita benarkan ramai mohon untuk ambil jurusan perubatan
> Khaled

Beliau berkata jika pengambilan pelajar dihadkan bagi jurusan itu, ia akan merugikan negara memandangkan kerajaan telah membuat pelaburan bagi menghasilkan doktor, di samping keyakinan terhadap sistem pendidikan negara untuk melahirkan pelajar cemerlang dalam bidang itu.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Profesor Tan Sri Dr Mohamed Haniffa Abdullah di Dewan Negara, semalam yang bertanya mengenai penambahan kuota pelajar perubatan IPT tempatan.

Mohamed Khaled berkata siswazah perubatan dalam negara pada 2020 adalah seramai 2,401 orang, 2021 (3,132) manakala bagi 2022 (3,934 orang).

Katanya antara faktor jumlah siswazah yang rendah adalah kegagalan menamatkan pengajian, menukar jurusan dan lain-lain.

Beliau berkata anggaran siswazah perubatan tempatan bagi tiga tahun akan datang adalah kira-kira 3,934 orang setahun iaitu 2,281 daripada IPT awam dan 1,653 daripada IPT swasta.

Berhubung isu lambakan siswazah perubatan daripada IPT tempatan dan luar negara, Mohamed Khaled berkata isu itu sedang diteliti jawatankuasa peringkat tertinggi diterajui KKM.

KERATAN AKHBAR
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

21 JUN 2023

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

DR. ZALIHA (duduk, tengah) bergambar dengan peserta selepas Majlis Perasmian Persidangan Kenali Ubat Anda Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 di Putrajaya semalam.

KKM elak ganggu kelancaran khidmat kesihatan

Kekosongan doktor kontrak diisi segera

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) akan memastikan proses transisi jawatan doktor kontrak ke jawatan tetap akan diselesaikan dan tempat lama mereka akan diganti dengan segera.

Menterinya, Dr. Zaliha Mustafa berkata, pihaknya akan mempertimbangan pergantian itu terutama kekosongan tempat yang ditinggalkan doktor kontrak sebelum ini.

"Bila masuk penempatan daripada doktor pelatih (housemen) kepada pegawai perubatan tetap, ia tentu ada penggantian selepas itu, jadi insya-Allah semua itu akan kita pertimbangkan.

"Kemaslahatan petugas kita, kita ambil prihatin," katanya ketika ditemui selepas menyempurnakan Persidangan Kenali Ubat Anda Peringkat Kebangsaan 2023 semalam.

Katanya, Jawatankuasa Peringkat Tertinggi yang ditubuhkan sebelum ini kerap mengadakan sesi libat urus dengan beberapa kementerian dan pihak berkaitan bagi melihat secara mendalam isu doktor kontrak.

Dr. Zaliha berkata, hasil libat urus itu belum dibentangkan kepada Kabinet dan jawatankuasa itu telah melihat semua permasalahan yang timbul berkaitan isu yang dibangkitkan.

"Jadi saya tidak rasa kita akan meminggirkan doktor-doktor kontrak ini," ujarnya.

Sebelum ini, Hartal Doktor Kontrak (HDK) memberi amaran masalah kekosongan jawatan yang tidak diisi di klinik dan hospital kerajaan bakal mengganggu kelancaran perkhidmatan kesihatan negara.

Masalah ini semakin meruncing jika kerajaan tidak mengambil tindakan segera menyelesaikan isu berkenaan.

HDK berkata, walaupun kerajaan mengumumkan perjawatan tetap untuk seramai hampir 4,000 doktor kontrak, secara tidak langsung perkara itu menimbulkan krisis terbaru dalam permasalahan penjagaan kesihatan yang sedia kritikal.

Pertubuhan itu menyifatkan jawatan tetap ditawarkan itu suatu langkah terpuji bagi menyelesaikan masalah ketidakpastian perjawatan, namun apabila doktor yang terbabit berpindah dan melakukan transisi ke tempat baharu, masalah kekosongan berskala besar akan berlaku di jabatan, hospital dan klinik yang mereka pernah berkhidmat sebelum ini.

"Unjuran kekurangan kakitangan perubatan sepanjang tempoh transisi ini sekali gus akan menyebabkan peningkatan ketara kepada tempoh menunggu pesakit di jabatan kecemasan dan klinik kesihatan," katanya.

Kuota pengambilan pelajar perubatan kekal

KUALA LUMPUR – Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) akan mengekalkan kuota pengambilan pelajar perubatan di institusi pengajian tinggi (IPT).

Ini kerana kata Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, kuota pelajar perubatan yang dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) adalah seramai 4,820.

Bagaimanapun katanya, jumlah siswazah sebenar adalah lebih rendah iaitu kira-kira 4,000 orang setahun.

"Kementerian akan terus kekalkan jumlah yang ditetapkan kerana antaranya permohonan ramai untuk mengambil jurusan perubatan dan kadar (yuran) yang ditetapkan untuk universiti tempatan adalah murah, maka demikian kita sebenarnya melakukan pendemokrasian pendidikan.

"Kita membenarkan ramai memohon untuk ambil jurusan perubatan, kalau kita kurangkan (pengambilan) dalam negara maka sudah tentu ada yang terpaksa ke luar negara dan kosnya sangat tinggi," katanya di Dewan Negara semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Prof. Tan Sri Dr. Mohamed Haniffa Abdullah yang bertanya mengenai penambahan kuota pelajar perubatan IPT tempatan.

Mengulas lanjut, Mohamed Khaled berkata, berdasarkan statistik pengambilan pelajar perubatan pada tahun 2020 adalah seramai 3,853, tahun 2021 (4,202 orang) dan tahun 2022 (4,671 orang).

"Jika dihujahkan sama ada jumlah ini melebihi sasaran oleh Kementerian Kesihatan untuk melahirkan hanya 4,000 doktor setahun, pengeluaran graduan yang sebenar daripada universiti tempatan adalah lebih rendah.

"Misalnya, keluaran graduan perubatan dalam negara bagi tahun 2020 adalah seramai 2,401, bagi tahun 2021 adalah seramai 3,132 dan bagi tahun 2022 adalah seramai 3,934.

"Ini disebabkan oleh faktor-faktor seperti gagal menamatkan pengajian, menukar jurusan dan lain-lain," ujarnya.

KUOTA pelajar perubatan yang dibenarkan Kementerian Kesihatan adalah seramai 4,820. – GAMBAR HIASAN

Penuntut tukar jurusan di universiti perkara biasa

PUTRAJAYA – Tindakan penuntut jurusan kritikal seperti sains, matematik, komputer dan kejuruteraan di universiti awam menukar bidang pengajian disifatkan suatu perkara biasa bagi tempoh pengajian mereka.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, malah angka yang dilaporkan iaitu sebanyak kira-kira 3,000 atau lima peratus daripada 60,000 penuntut jurusan itu tidak dapat dipastikan tepat atau tidak.

Katanya, jika mengambil kira daripada jumlah pengambilan kemasukan ke universiti setiap tahun antara 300,000 ke 400,000, angka sebanyak itu yang mengambil keputusan untuk menukar jurusan bukan sesuatu di luar kebiasaan.

"Mereka (pelajar) tukar jurusan itu perkara biasa ketika sedang dalam pengajian. Masa zaman saya belajar juga ramai ambil jurusan undang-undang, tetapi selepas itu tukar kepada ekonomi dan sebagainya.

"Jadi kalau nak kira daripada jumlah pengambilan pelajar 300,000 ke 400,000, jika sebanyak 2,000 atau 3,000 tukar jurusan itu perkara biasa," katanya selepas majlis pelancaran Program Semarak Siswa Madani semalam.

Terdahulu, media melaporkan, jumlah penuntut menukar bidang pengajian kerana mereka tidak mampu menguasai kursus-kursus tersebut selain disebabkan tersalah pilih kursus terutamanya tidak memahami program tersebut.

Perkara itu didedahkan Presiden Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK), Wan Amsyar Hadie Wan Mahadi yang memaklumkan, ia berlaku setiap tahun dan pelajar berkenaan akan memilih memasuki bidang sains sosial, sastera dan kemanusiaan mahupun komunikasi untuk memastikan mereka boleh menamatkan pengajian.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

Penggantian segera untuk kekosongan jawatan doktor kontrak - Dr Zaliha

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan segera mengisi kekosongan jawatan doktor kontrak di klinik dan hospital.kerajaan susulan penyerapan hampir 4,000 doktor kontrak ke jawatan tetap, kata Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa.

Menurutnya, langkah penggantian itu dilakukan bagi mengelak kekurangan kakitangan perubatan selain memastikan kelancaran perkhidmatan kesihatan negara.

"Apabila masuk penempatan daripada *houseman* (doktor pelatih) kepada pegawai perubatan (MO), tentu ada penggantian selepas itu.

"Jadi insya-ALLAH semua itu kita akan pertimbangkan. Jangan bimbang kemaslahatan petugas, kita akan ambil prihatin," katanya selepas melancarkan Persidangan Kenali Ubat Anda Peringkat Kebangsaan 2023 bertemakan Kenali Ubat Anda: Pembudayaan Literasi Kesihatan di sini pada Selasa.

Dr Zaliha berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Hartal Doktor Kontrak (HDK) pada Isnin yang memberi amaran masalah kekosongan jawatan di klinik dan hospital kerajaan bakal mengganggu kelancaran perkhidmatan kesihatan negara.

Beliau berkata, Jemaah Menteri pada 1 April lepas bersetuju untuk menubuhkan jawatankuasa peringkat tertinggi yang menggabungkan beberapa kementerian dan agensi, bagi menangani isu doktor kontrak.

Katanya, jawatankuasa itu telah melakukan beberapa siri libat urus termasuk dengan Bahagian Pelatih, Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan (Schomos) dan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) bagi melihat semua sudut, namun hasilnya belum dibentangkan kepada kabinet.

Mengenai persidangan tersebut, Dr Zaliha berkata, KKM mengambil maklum bahawa sebahagian masyarakat lebih gemar mengamalkan rawatan kendiri dengan membeli ubat di farmasi komuniti, kedai ubat tradisional dan pembelian dalam talian.

"Tanpa pengetahuan yang mendalam mengenai penyakit dan kesesuaian ubat yang diambil, pengguna berisiko terdedah kepada kesan mudarat yang membahayakan kesihatan mereka," jelas beliau.

Justeru, katanya, program berkenaan mendidik masyarakat supaya bijak membuat keputusan tentang kesihatan mereka serta tidak mudah terpedaya dengan iklan atau individu yang memberi janji manis, terutama yang melibatkan penyakit kronik. - *Bernama*

FOTO: BERNAMA

Dr Zaliha menyampaikan sijil pelantikan Duta Kenali Ubat Anda kepada Presiden Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Malaysia, Mohammad Huzaifah Ahmad di Putrajaya pada Selasa.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : MAHKAMAH & JENAYAH

Tujuh individu gagal rayuan batal larangan merokok di kedai makan

PUTRAJAYA - Tujuh individu gagal mendapat kebenaran daripada Mahkamah Persekutuan untuk merayu bagi mencabar keputusan Kementerian Kesihatan (KKM) mengenakan larangan merokok di semua kedai makan.

Panel hakim, Datuk Zabariah Mohd Yusof, Datuk Seri Hasnah Mohammed Hashim dan Datuk Nordin Hassan menolak permohonan untuk mendapat kebenaran itu dan mengarahkan mereka membayar kos guaman RM30,000 kepada KKM.

Dengan keputusan itu, percubaan Mohd Hanizam Yunus, Zulkifli Mohamad, Mohd Laisani Dollah, Mohd Sufian Awaludin, Ridzuan Muhammad Noor, Mohd Yazid Mohd Yunus dan Yuri Azhar Abdollah bagi mencabar larangan merokok di kedai-kedai makan oleh KKM yang telah berlarutan selama lima tahun kini berakhir.

Zabariah yang mengetuai panel hakim itu berkata, persoalan undang-undang dibangkitkan oleh individu berkenaan tidak memenuhi tiga syarat diperlukan di bawah Seksyen 96 (a) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 bagi mendapat kebenaran merayu di Mahkamah Persekutuan.

Pada 31 Disember 2018, tujuh lelaki itu yang menubuhkan Persatuan Pertahankan Perokok (PHP) memohon deklarasi bahawa keputusan KKM untuk melarang merokok di kedai makan adalah tidak berperlembagaan.

KKM mengenakan larangan merokok di semua restoran dan premis makanan berkuat kuasa 1 Januari 2019.

Dalam prosiding yang berlangsung secara dalam talian pada Selasa, peguam, Mohamed Haniff Khatri Abdulla yang mewakili tujuh individu berkenaan menggesa mahkamah membenarkan rayuan dan menampilkan tiga persoalanan undang-undang untuk diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan.

Salah satu persoalan yang dibangkitkan adalah sama ada pindaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau bagi melarang perbuatan merokok di kedai makan termasuk dalam kawasan tertutup dilengkapi dengan pendingin hawa dan kawasan terbuka adalah bertentangan dengan Perkara 5 dan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.

Peguam Kanan Persekutuan, Shamsul Bolhassan dibantu oleh Peguam Kanan Persekutuan, Liew Horng Bin yang mewakili KKM berhujah bahawa larangan merokok di kedai makan memberi kelebihan kepada orang awam kerana orang ramai menyokong keputusan itu. - *Bernama*

Bekas penuntut kolej terlepas hukuman mati

PUTRAJAYA - Seorang bekas penuntut kolej yang sebelum ini dihukum mati kerana melemaskan bayi lelaki yang baru dilahirkannya di dalam mangkuk tandas asrama enam tahun lepas menangis apabila dibebaskan serta-merta oleh Mahkamah Rayuan di sini pada Selasa.

Panel tiga hakim diketuai Datuk Hadhariah Syed Ismail membuat keputusan itu selepas dimaklumkan bahawa Jabatan Peguam Negara (AGC) telah menerima representasi Nur Izzati Adi, 26, yang memohon pertuduhan lebih ringan iaitu daripada membunuh kepada menyebabkan kematian.

Nur Izzati kemudian mengaku bersalah dan panel itu menjatuhkan hukuman penjara sembilan tahun terhadapnya yang bermula dari tarikh tangkap iaitu 30 Mac 2017.

"Perayu dibebaskan serta-merta hari ini (Selasa) dan saya arahkan warden penjara untuk membuka gari perayu dan perayu boleh berjalan keluar dari mahkamah dengan lapang dada," kata Hadhariah yang bersidang bersama-sama Datuk Azman Abdullah dan Mohamed Zaini Mazlan.

Nur Izzati didakwa membunuh mangsa di tandas asrama perempuan aras tiga Kolej Pertanian Malaysia Bukit Kayu Hitam pada jam 5.20 petang 30 Mac 2017 mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan. - *Bernama*

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : DALAM NEGERI

Doktor kontrak ke jawatan tetap bakal selesai - Dr. Zaliha

Oleh MOHD HUSNI MOHD NOOR
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan (KKM) akan memastikan proses jawatan doktor kontrak ke jawatan tetap akan diselesaikan dan tempat lama mereka diganti segera.

Menterinya, Dr. Zaliha Mustafa berkata, pihaknya akan mempertimbangkan penggantian itu terutama kekosongan tempat yang ditinggalkan doktor kontrak sebelum ini.

"Bila masuk penempatan daripada doktor pelatih (*housemen*) kepada pegawai perubatan tetap, ia tentu ada penggantian selepas itu, jadi insya-Allah semua itu akan kita pertimbangkan.

"Kemaslahatan petugas kita ambil prihatin," katanya ketika ditemui selepas menyempurnakan Persidangan Kenali Ubat Anda Peringkat Kebangsaan 2023 di sini semalam.

Katanya, Jawatankuasa Peringkat Tertinggi yang ditubuhkan sebelum ini kerap mengadakan sesi libat urus dengan beberapa kementerian dan pihak berkaitan bagi melihat secara mendalam isu doktor kontrak.

Dr. Zaliha berkata, hasil libat urus itu belum dibentangkan kepada Kabinet dan jawatankuasa itu melihat semua isu dibangkitkan.

"Jadi saya tidak rasa kita akan meminggirkan doktor-doktor kontrak ini," katanya.

Sebelum ini, Hartal Doktor Kontrak (HDK) memberi amaran masalah kekosongan jawatan yang tidak diisi di klinik dan hospital kerajaan bakal mengganggu kelancaran perkhidmatan kesihatan negara.

Masalah ini semakin meruncing jika kerajaan tidak mengambil tindakan segera menyelesaikan isu perjawatan petugas perubatan.

HDK berkata, walaupun kerajaan mengumumkan perjawatan tetap seramai hampir 4,000 doktor kontrak, secara tidak langsung perkara itu menimbulkan krisis terbaharu dalam permasalahan penjagaan kesihatan yang sedia kritikal.

ZALIHA Mustafa menyampaikan sijil pelantikan Duta Kenali Ubat Anda kepada Pegawai Farmasi dari Pusat Perubatan Universiti Malaya, Mohd. Firdaus Abdullah (tiga, kanan) di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Graduan perubatan tempatan tidak akan dikurangkan

PETALING JAYA: Kerajaan tidak berhasrat mengurangkan pengambilan pelajar jurusan perubatan di institusi pengajian tinggi awam meskipun kini berdepan dengan lambakan graduan jurusan itu dari luar negara.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, hal ini kerana pengambilan graduan perubatan tempatan masih belum mencapai sasaran 4,800 orang setahun.

Malah, beliau menambah, pengeluaran bakal doktor melibatan universiti tempatan pada setiap tahun masih rendah kerana disebabkan beberapa faktor seperti gagal menamatkan pengajian dan menukar jurusan.

Katanya, di samping itu pengambilan jurusan perubatan dalam negara termasuk IPTS masih di bawah sasaran tersebut iaitu pada 2020 (3,853 pelajar), 2021 (4,202) dan 2022 (4,671).

"Jika dihujahkan, jumlah ini (graduan dalam dan luar negara) melebihi sasaran Kementerian Kesihatan untuk melahirkan hanya 4,800 doktor setahun, namun, pengeluaran graduan universiti tempatan adalah lebih rendah disebabkan beberapa faktor seperti gagal menamatkan pengajian dan menukar jurusan serta lain-lain.

"Misalnya graduan perubatan dalam negara pada 2020 adalah seramai 2,041, pada 2021 3132 orang dan pada 2021 adalah 3,934 orang. Anggaran graduan pada tiga tahun datang kira-kira 3,934 setahun iaitu 2,281 daripada IPTA dan 1,653 daripada IPTS," katanya di Dewan Negara semalam.

Beliau menjawab soalan Senator Prof. Tan Sri Dr Mohamed Haniffa Abdullah yang bertanyakan sama ada kerajaan mahu mengawal termasuk mengurangkan pengambilan pelajar perubatan dengan mengambil kira jumlah graduan semasa.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : DALAM NEGERI

Larangan merokok di premis makanan kekal

PUTRAJAYA: Perintah larangan merokok di premis makanan kekal dan tidak lagi boleh dicabar selepas Mahkamah Persekutuan di sini semalam menolak permohonan tujuh individu untuk mendapatkan kebenaran mencabar larangan itu.

Panel tiga hakim yang diketuai Hakim Datuk Zabariah Yusof memutuskan demikian selepas mendapati permohonan tujuh lelaki itu gagal memenuhi peruntukan Seksyen 96 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

"Persoalan yang dikemukakan untuk mendapatkan kebenaran bukan untuk kepentingan awam. Kami menolak permohonan (kebenaran) dengan kos RM30,000 perlu dibayar kepada responden," kata Zabariah yang bersidang bersama-sama Hakim-Hakim Datuk Seri Hasnah Mohammed Hashim dan Datuk Nordin Hassan.

Tujuh individu terbabit memohon kebenaran bagi mencabar larangan itu selepas Mahkamah Rayuan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang menolak permohonan semakan kehakiman bagi membatalkan keputusan Kementerian Kesihatan (KKM) melaksanakan larangan merokok di kedai makan.

Tujuh individu itu ialah Mohd. Hanizam Yunus, 55, Zulkifli Mohamad, 61, Mohd. Laisani Dollah, 50, Mohd. Sufian Awaludin, 39, Ridzuan Muhammad Noor, 57, Mohd. Yazid Mohd. Yunus, 52, dan Yuri Azhar Abdollah, 44.

Dalam kes sivil, individu atau pihak terlibat mesti mendapatkan kebenaran terlebih dahulu sebelum mereka meneruskan rayuan di Mahkamah Persekutuan.

Pada 23 November 2022, Mahkamah Rayuan menolak rayuan tujuh individu terbabit atas alasan larangan merokok oleh KKM di premis makanan munasabah.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEWS / NATION

STAFFING UNCERTAINTY

'DOCTOR'S POSTS CAN BE FILLED'

Health Ministry gives assurance a solution is in sight for the transitioning of contract medical officers to permanent positions

IRWAN SHAFRIZAN ISMAIL
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

THE Health Ministry has given its assurance that the transitioning of contract doctors to permanent positions will be completed soon.

Health Minister Dr Zaliha Mustafa said the ministry had taken into consideration the issue of replacements for the housemen, which was discussed in a recent engagement with stakeholders.

"When transitioning from a trainee doctor (housemen) to a permanent medical officer, there will, of course, be a replacement after that.

"So, God willing, we will take everything into consideration. We are concerned for the welfare of our staff," she said at the 2023 National-level Know Your Medicines Conference here yesterday.

Dr Zaliha said the High-Level Committee (HLC) established to resolve the issue had held engagement sessions with several ministries and related parties, including the Malaysian Medical Association to look into the issue of contract doctors.

"We have not yet presented the results to the cabinet, but this engagement will look at all angles," she said.

Dr Zaliha Mustafa

Yesterday, Hartal Doktor Kontrak (HDK) warned that unfilled vacancies in government clinics and hospitals would disrupt the country's health services.

HDK claimed that the problem would worsen if the government did not resolve the issue of staffing for medical personnel.

HDK said although the government announced the permanent employment of 4,000 contract doctors, this had indirectly created the latest crisis in the already critical healthcare sector.

They also described the permanent positions being offered as a commendable step to resolve the problem of staffing uncertainty, but when the doctors involved move to their new placements, a large-scale vacancy problem would occur in their former departments, hospitals and clinics.

"The projected shortage of medical staff during this transition period will cause a significant increase in the waiting time for patients in emergency departments and health clinics," he said.

FURTHER STUDY

No timeframe for second reading of GEG bill

Special Adviser to the Health Minister Dr Kelvin Yii (second from left) at the launch of the digital medical platform Doctors Anywhere in Bandar Utama, Petaling Jaya, yesterday. With him is Youth and Sports Minister Hannah Yeoh. PIC BY AMIRUDIN SAHIB

PETALING JAYA: No timeframe has been set yet for the second reading of the Control of Smoking Products for Public Health Bill 2023 in the Dewan Rakyat.

Special Adviser to the Health Minister Dr Kelvin Yii said the parliamentary special select committee (PSSC) on health would first have to submit its report to the Health Ministry, which would then engage stakeholders.

"Only after that will the cabinet discuss when the bill would be tabled for second reading," he said after attending the launch of the digital medical platform Doctors Anywhere.

The bill, known as the generational endgame (GEG) bill, is aimed at banning the use, purchase and sale of cigarettes, e-cigarettes and vape products to those born from Jan 1, 2007, onwards.

On June 12, the bill was tabled for first reading in Parliament, but Health Minister Dr Zaliha Mustafa then said it would be referred to the PSSC before being debated again in Parliament.

"After taking into consideration the engagement session with the PSSC on health on June 6, as well as with members of parliament (MPs), professionals and non-governmental organisations, there were requests to scrutinise some matters.

"This bill is crucial; undivided support from all parties is needed. The ministry decided to refer the bill to the PSSC, where it would serve as a check-and-balance mechanism that will take into account the views of all parties," she told the lower house when tabling the bill.

During a special chambers session later, Dr Zaliha said the ministry's move to once again refer the bill to the PSSC was made following calls by stakeholders, including individuals in the fraternity.

"The committee will scrutinise each word, so that when the debate takes place later, everyone involved would already have a better understanding of it.

"This will ensure that it can be approved in a swift manner," she said, urging all MPs to support the bill aimed at protecting future generations against the dangers of smoking.

Under the proposed law, those found guilty of selling tobacco products or services to individuals born on Jan 1, 2007 and after would be punishable with a maximum fine of RM20,000 and one year's imprisonment, and a maximum fine of RM30,000 and two years' jail for subsequent offences.

Corporations found guilty of the same offence face a maximum penalty of RM100,000 and two years' jail for the first offence and a maximum fine of RM300,000 and three years' jail for subsequent offences.

Prohibitions were also extended to the sale of tobacco substitutes and smoking devices to the targeted age group.

Under Sections 13(4) and 14(4), individuals born on Jan 1, 2007 onwards found guilty of buying any tobacco products, substitutes, or devices would face a fine of up to RM500, and they could be ordered to undergo community service.

It was reported that the latest version of the bill had incorporated amendments suggested by the PSSC last year, including a reduction in the maximum fine for young offenders from RM5,000 to RM500, and introduction of a provision for community service.

The authorisation for body search by law enforcement authorities was also removed.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NEWS / NATION

PERSATUAN PERTAHANKAN PEROKOK MEMBERS

SEVEN FAIL IN FINAL BID TO OVERTURN SMOKING BAN AT EATERIES

Federal Court dismisses leave application to challenge Court of Appeal decision

RAHMAT KHAIRULRIJAL
PUTRAJAYA
rahmat@nst.com.my

SEVEN men have lost their final bid to challenge the smoking ban imposed by the Health Ministry at eateries four years ago.

The Federal Court yesterday dismissed their leave application to challenge the Court of Appeal's decision last year to uphold the regulation.

They are Mohd Hanizam Yunus, 56, Zulkifli Mohamad, 61, Mohd Laisani Dollah, 50, Mohd Sufian Awaludin, 39, Ridzuan Muhammad Noor, 57, Mohd Yazid Mohd Yunus, 52, and Yuri Azhar Abdollah, 44.

Counsel Mohamed Haniff Khatri Abdulla, who represented all seven, confirmed the Federal Court's decision when contacted.

On Nov 23 last year, the appellate court stated that smoking in public places was not a fundamental right that should be protected under the Federal Constitution.

The health minister, it said, was empowered under the law to impose restrictions on smoking such as where or when it was prohibited.

The court also said the ban did not infringe Article 8 (the right to equality) of the Federal Constitution as it applies to all persons.

On Oct 29, 2019, then High Court judge Datuk Seri Mariana Yahya (now Court of Appeal judge) dismissed the judicial review application by the men to get a certiorari order to quash the ban on smoking at eateries.

In a judicial review filed on Dec 31, 2018, the men, who had set up a society called Persatuan Pertahankan Perokok, named the Health Ministry as respondent, and sought a declaration that the ministry's decision was unconstitutional.

They claimed that smokers and non-smokers had equal rights to visit and spend their time at food premises for as long as they wish and that the government had not provided adequate facilities such as smoking areas or included provisions under the smoking ban for entrepreneurs to prepare non-smoking areas.

The Health Ministry imposed the ban on Jan 1, 2019.

> *The Health Ministry imposed the ban on Jan 1, 2019.*

Offenders will be slapped with a RM250 compound for the first and second offences, and the amount will be increased to RM350 for a third offence.

Then Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah had said food and beverage outlets that allowed patrons to light up would also be slapped with the same compound amount.

Dr Noor Hisham said the extension of the smoking ban to eateries was done under Regulation 11(1)(d) of the Tobacco Control Regulations 2004 (amended) 2018.

Under Regulation 12 of the regulations, eatery owners must ensure that their premises are completely smoke-free.

They are also forbidden from providing amenities for smokers, including ashtrays or shisha services.

KERATAN AKHBAR
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

21 JUN 2023

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NATION

Staying on guard after dengue scare

Mum keeps surroundings clean since two sons' bouts with illness

Joint effort: Residents participating in a gotong-royong activity to clean up the neighbourhood in Taman Sri Tebrau, Johor Baru.

By YEE XIANG YUN
xiangyun@thestar.com.my

JOHOR BARU: Ever since her two teenage sons came down with dengue last year, Salmiah Ismail has never failed to empty her water containers and discard stagnant water accumulated in her flower pots at home.

The 43-year-old said she will clear out the trash and overturn empty containers to prevent Aedes mosquitoes from breeding there.

Relating her sons' bouts with dengue, Salmiah said her elder boy first developed a high fever in May last year before the younger one followed suit a week later.

"It was a challenging time for my family back then as my husband had also just recovered from Covid-19. I had my hands full taking care of them and I will never forget that experience.

"Later, I found mosquito larvae in the plastic plate under some of my flower pots. From then on, I always made sure our surroundings were clean and dry," the homemaker said in an interview.

The Skudai resident added that she also makes it a point to shut her windows in the evening when the pests are at their most active.

According to Johor health and unity committee chairman Ling Tian Soon, the state has recorded 3,891 cases so far this year – an increase of 892 cases or 336.2% compared to the same period last year.

"Johor Baru is the district with the highest number of cases, followed by Kulai, Kluang, Kota Tinggi and Batu Pahat. About 61% of the cases were from non-epidemic localities.

"Eight fatalities were also recorded throughout the period compared to just one death this time last year," he said.

In week 23 of the year (June 5 to 11) alone, 242 dengue cases were reported, he said, adding that week 21 (May 21 to 27) had 255 dengue cases – the highest in a week so far this year.

"Usually, there will be a spike in dengue cases in May to July each year due to the hotter weather. The occasional showers also make it an ideal environment for Aedes mosquitoes to breed.

"Health department officials have been continuously visiting localities to seek and destroy mosquito breeding grounds where more than RM1.3mil in compounds have been handed out.

"The fact that there are still many breeding grounds shows that the people are not keeping their surroundings clean and there is a lack of awareness of the dangers of dengue," he said.

The Yong Peng assemblyman encouraged the people to join the state government's Johor Bersih initiative to keep their homes and workplaces clean.

"This can easily be done by just spending about 10 minutes a day to upkeep the place as well as seek and destroy Aedes breeding grounds such as containers with stagnant water," he said.

Ling also encouraged schools to conduct regular gotong-royong activities to keep the students safe.

Stigma against mental health still present in showbiz

By TEH ATHIRA YUSOF
tehathirayusof@thestar.com.my

PETALING JAYA: Veteran composer and singer Datuk M. Nasir shed light on the severity of the mental health crisis in the entertainment industry by stating that only a small number of people are willing to discuss it.

"Mental health is real, especially in the entertainment industry, but there are still those who are afraid to open up about their conditions," he said, adding that this silence was due to the stigma surrounding mental health issues.

"It was a surprise to me when I was appointed as an ambassador for the initiative but I hope that I can support the movement to promote awareness of mental health issues," he told reporters at the launch of a tele-counselling initiative here yesterday.

M. Nasir was appointed as an ambassador for the digital healthcare platform Doctors Anywhere.

The tele-counselling initiative is offering Malaysians complimentary mental health counselling services that can be redeemed through its mobile application.

Doctor Anywhere Malaysia general manager Edward Ling said the initiative aims to assist 20,000 Malaysians facing mental health issues through affordable and accessible services.

"It is by offering sponsored appointments for Malaysians with expert counsellors and clinical psychologists that we want to remove barriers and encourage more Malaysians to seek mental health support.

"This is a significant milestone because the private sector is investing in and sponsoring Malaysians to prioritise their mental well-being," he said.

M. Nasir: Mental health is real in the entertainment industry. — AZMAN GHANI/The Star

Ling said that the high cost of living is among the causes of depression and anxiety, particularly for those living in Kuala Lumpur and Putrajaya.

Patient details will be kept confidential, Ling said.

As part of its efforts to combat the stigma surrounding mental health, the initiative has partnered with FWD Takaful to provide free mental health services.

FWD Takaful Bhd chief strategy and digital distribution Wan Ahmad Najib Wan Ahmad Lotfi said the company had allocated RM2mil to the tele-counselling services to allow more individuals to benefit from them.

Also present at the event were Youth and Sports Minister Hannah Yeoh and Health Ministry special advisor Dr Kelvin Yii.

According to Dr Yii, it is crucial to prioritise investment in Malaysia's mental health capacity to effectively address the aftermath of the Covid-19 pandemic and to be better prepared for any future crises.

Dr Yii said there were various public and private sector initiatives and sponsorships available that can help broaden the reach and effectiveness of mental health services for the B40 group.

He said the government's mySejahtera application contained a mental health module that would provide options for mental health screenings for its users.

"Hopefully, we can link this with Doctor Anywhere and other platforms to optimise such services," he said.

To utilise the tele-counselling programme, visit FWD Takaful's Mind Strength website https://mindstrength.fwd.com.my.